

## KPDNHEP siasat punca harga ayam naik

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang menyasiat punca kenaikan mendadak harga ayam standard sejak beberapa hari lepas.

Timbalan Pengarah Penguatkuasaan Operasi KPDNHEP, Low Swee Hon berkata, kementerian itu telah mengadakan pertemuan dengan penternak ayam dan pihak persekutuan penternak ayam di Putrajaya kelmarin bagi mendapatkan maklum balas berhubung perkara tersebut.

"Memang dikatakan ada peningkatan harga di peringkat ladang dan kementerian sedang mengesan sama ada peningkatan berlaku di peringkat pihak penternak, pemborong atau peruncit.

"Kita berharap dapat mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah yang berlaku di kebanyakan pasar seperti yang dilaporkan," katanya kepada pemberita selepas melakukan pemantauan harga barangan di Pasar Sungai Besi di sini bersama pegawai KPDNHEP Putrajaya dan Kuala Lumpur.

Beliau berkata, KPDNHEP akan mengeluarkan notis mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 bagi mendapatkan maklumat harga barangan serta justifikasi sekiranya terdapat pengambilan keuntungan berlebihan.

Swee Hon turut melakukan pemantauan di sebuah premis perkhidmatan gunting rambut di Desa Petaling dan berpuas hati dengan tahap pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan.

Beliau berkata, KPDNHEP telah memeriksa lebih 500 premis dandan dan gunting rambut di seluruh negara dari 10 hingga 17 Jun lepas menerusi OP-CATUT 7.0 (Dandan dan Gunting Rambut).

"Tjada sebarang tindakan diambil setakat ini. Bagaimanapun, untuk setiap premis atau tinjauan yang dilakukan, pegawai kami akan mengeluarkan notis untuk mereka mengemukakan maklumat harga (caj upah) sebelum dan selepas beroperasi (selepas 10 Jun) serta kos penyediaan perkhidmatan. - *Bernama*